

Penyampai : DATIN SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD. ALI
Tajuk : PEMBUKAAN RASMI PROJEK LADANG SKOSS-IPT
Lokasi : KAMPUNG PAYA JARAS, SUNGEI BULUH, SELANGOR DARUL EHSAN
Tarikh : 30-01-1988

Yang Berbahagia, Kekanda Datuk Paduka Hajah Saleha bte Haji Mohd. Ali; Dif-dif terhormat; Puan-puan dan Tuan-tuan.

Assalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada kekanda Dato Paduka Hajah Saleha, Pengerusi SKOSS dan Ahli-Ahli Jawatankuasanya kerana sudi menjemput saya untuk merasmikan pembukaan ladang SKOSS-IPT pada hari ini.

2. Saya merasa bangga di atas usaha SKOSS dan Institut Pengajian Tinggi Universiti Malaya mengendalikan projek ladang ini yang julung kali diadakan di negara kita. Usaha ini adalah selaras dengan harapan Kerajaan supaya orang ramai, khasnya firma-firma swasta dan badan-badan sukarela, dapat melibatkan diri dalam kempen menentang dadah di negara kita.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

3. Saya percaya masyarakat sekarang telah sedar akan bahaya penagihan dadah kerana kempen membasmi dadah telah dilancarkan semenjak tahun 1983. Penglibatan sebilangan besar muda-mudi dengan dadah telah membawa kesan yang buruk kepada keluarga mereka dan juga kepada masyarakat dan negara. Masalah dadah telah menimbulkan suasana yang tidak tenteram di dalam masyarakat kita dan mempunyai kaitan yang rapat dengan kejadian jenayah seperti kecurian, pecah rumah, pembunuhan, rompakan dan sebagainya yang sering berlaku dewasa ini. Ianya juga telah memecah-belahkan anggota keluarga dan merosakkan nilai tradisi masyarakat kita.

4. Memandangkan bahasa tabiat menggunakan dadah telah berleluasa di kalangan muda-mudi kita kerajaan telah menubuhkan pusat pemulihan dan rawatan untuk merawat penagih-penagih dadah ini.

Walaupun terdapat beberapa buah pusat pemulihan dan rawatan dadah tetapi ianya tidak dapat menampung kesemua penagih di seluruh negara.

5. Kini terdapat ramai bilangan penagih yang telah keluar daripada pusat-pusat rawatan dan pemulihan dadah ini. Saya khawatir jika keluarga dan masyarakat tidak mahu menerima mereka kembali, penagih-penagih ini akan mengulangi tabiat buruk mereka. Keadaan ini juga terpulang kepada sikap penagih itu sendiri. Bekas penagih perlu mempunyai sikap jujur dan positif untuk kembali ke pangkuan masyarakat. Mereka harus bersemangat kuat dan tegas untuk menahan diri dan tarikan semula ke lembah dadah.

Mereka perlu teguhkan iman dan yakinkan diri kepada usaha kerajaan dan masyarakat untuk membantu mereka kembali ke alam sihat.

6. Masyarakat pula harus menukar sikap terhadap bekas penagih dan sedia membantu mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat. Sekurang-kurangnya, biarlah mereka diberi peluang masuk balik dalam pangkuan keluarga mereka, tempat pekerjaan mereka dahulu atau diberi pekerjaan sebelum mereka diketepikan sebagai golongan yang tidak boleh dipulih.

7. Satu perkara yang penting bagi seorang bekas penagih ialah mendapat pekerjaan untuk menampung sara hidupnya. Pihak kerajaan dan sektor swasta boleh memainkan peranan utama dengan membuka peluang pekerjaan yang luas kepada bekas-bekas penagih. Sekiranya seorang bekas penagih mempunyai pekerjaan tetap ini akan memulih semula keyakinan diri dan maruahnyanya. Pihak majikan harus bersimpati dengan bekas penagih itu dan kedua belah pihak harus saling menghormati di antara satu dengan lain. Kepercayaan dan keyakinan mesti diamalkan oleh semua pihak untuk membolehkan

rancangan ini berjaya.

8. Rancangan memulihkan bekas penagih dadah memerlukan penglibatan semua ahli masyarakat. Usaha-usaha Kerajaan sahaja dalam aspek ini tidaklah mencukupi. Kerajaan sentiasa menggalakkan penglibatan dan penyertaan dari pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dan sektor swasta untuk membantu usaha Kerajaan membanteras masalah dadah. Penglibatan masyarakat yang bertindak sebagai satu angkatan adalah penting bagi menjayakan rancangan memulihkan bekas penagih dadah. Kepercayaan dan keyakinan mesti diamalkan oleh semua pihak untuk menentukan kejayaan rancangan ini.

Dengan cara ini kita boleh melahirkan muda-mudi yang berguna dan produktif.

Puan-puan dan Tuan-tuan,

9. Saya sungguh berbangga melihat SKOSS dan Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya mengendalikan projek ladang ini dengan kerjasama Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan bukan Kerajaan dalam membantu bekas-bekas penagih dadah dan juga golongan yang kurang bernasib baik. Saya juga difahamkan bahawa beberapa pertubuhan sukarela, syarikat swasta dan pihak perseorangan telah memberi sumbangan kepada projek ini samada dalam bentuk derma atau pun dalam bentuk yang lain.

Kerjasama di antara Kerajaan dengan sektor swasta dan juga di antara individu-individu yang berlainan bangsa boleh kita banggakan dalam usaha membanteras masalah dadah ini.

10. Saya menyeru pertubuhan-pertubuhan lain agar dapat memberi sokongan sejajar dengan pengalaman, kepakaran, pengkhususan dan kemampuan masing-masing dalam projek ladang SKOSS-IPT ini ataupun dalam projek-projek lain yang sedemikian rupa.

11. Akhir kata, saya mengucapkan tahniah dan syabas kepada Pengerusi dan ahli-ahli Jawatankuasa Projek Ladang SKOSS- IPT, dan berdoa semoga cita-cita mereka akan tercapai.

Dengan ini, saya dengan bangganya membuka Ladang SKOSS-IPT ini dengan rasminya.

Wabillahi taufik, walhidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.